

Program Sekolah Dalam Hospital Bantu Pelajar Yang Dirawat Mendapat Pendidikan Formal
Bernama
Julai 26, 2011

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Pelajar dan kanak-kanak yang sedang menerima rawatan di hospital terutama bagi tempoh yang lama akan diberikan hak untuk mendapatkan pendidikan secara formal melalui program sekolah dalam hospital.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata melalui program itu, ibu bapa tidak perlu risau tentang pelajaran anak-anak ketika mendapat rawatan di hospital.

"Sebagai seorang bapa, saya dapat merasakan kebimbangan dan keseriusan ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak yang perlu berada di hospital untuk jangka masa yang lama kerana ketiadaan perkhidmatan pendidikan secara formal. Kebimbangan ini tentunya lebih tinggi sekiranya anak-anak akan menduduki peperiksaan awam pada tahun berkenaan.

"Ibu bapa yang agak senang mungkin boleh menghantar anak-anak mereka untuk mengikuti kelas tuisyen bagi menggantikan pelajaran yang tertinggal, tetapi bagi yang tidak begitu senang anak-anak akan terus menerus ketinggalan dalam pelajaran," katanya ketika melancarkan projek 'Sekolah Dalam Hospital' di Institut Pediatrik Hospital Kuala Lumpur di sini, Selasa.

Projek sekolah dalam hospital itu adalah ilham isteri Muhyiddin Puan Sri Noorainee Abdul Rahman yang merupakan penaung projek Hati Nurani dan ia dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Nurul Yaqeen, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan.

Ia bertujuan membantu menyediakan pendidikan secara formal dan berstruktur kepada pelajar dan kanak-kanak yang menerima rawatan di hospital.

Sekolah Dalam Hospital merupakan program pendidikan yang menggunakan pendekatan yang agak berbeza daripada sekolah biasa iaitu berasaskan 'fun learning' yang menekankan pembelajaran secara santai dan menyeronokkan.

Muhyiddin berkata persekitaran pembelajaran yang tenang, menarik dan penuh warna-warni merupakan terapi secara semula jadi bagi pelajar dan kanak-kanak di hospital.

"Sekurang-kurangnya sesi pembelajaran yang menarik, yang diselang-selikan dengan permainan akan dapat membantu menghilangkan rasa bosan mereka apabila perlu mendapat rawatan dalam tempoh yang lama di hospital," katanya.

Beliau berkata usaha merealisasikan Sekolah Dalam Hospital ini amat unik kerana dalam tempoh yang amat singkat iaitu lebih kurang enam bulan, sekolah itu sudah beroperasi dengan 16 guru dan empat pembantu pengurusan murid pada 18 Julai lepas.

"Saya bukan sekadar menyokong 100 peratus malah lebih daripada 200 peratus sokongan saya berikan bukan kerana cadangan tersebut datangnya daripada isteri saya, tetapi kerana ia sememangnya merupakan sebahagian daripada tanggungjawab kita semua demi kelangsungan masa depan kanak-kanak ini," katanya.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, turut merakamkan penghargaan kepada guru-guru yang terlibat kerana sanggup meninggalkan keselesaan bertugas di sekolah biasa untuk ditempatkan di Sekolah Dalam Hospital.

Beliau berkata guru-guru ini akan berdepan dengan cabaran baru di mana mengajar dan mendidik pelajar dan kanak-kanak yang istimewa memerlukan dedikasi dan kesabaran yang cukup tinggi selain menanam rasa kasih sayang yang sejati serta empati yang mendalam terhadap anak murid mereka.

"Dengan latihan yang telah disediakan serta latihan berterusan yang dirancang dari semasa ke semasa oleh Yayasan Nurul Yaqeen, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan, saya yakin matlamat untuk memberikan pendidikan yang terbaik untuk pelajar dan kanak-kanak di hospital akan tercapai," katanya.

Sementara itu, dalam sidang medianya, Muhyiddin berkata Sekolah Dalam Hospital akan diperluaskan ke semua hospital di seluruh negara khususnya hospital yang mempunyai bahagian pediatrik.

"Saya dah minta Ketua Pengarah Pelajaran meneliti hospital yang mana satu kita hendak kembangkan nanti, berapa bilangan pelajar yang terdiri daripada patient yang ada di hospital-hospital itu, apa kemudahan yang sudah sedia ada di peringkat hospital.

"Tempat yang tidak ada ruang mungkin perlu ada ruang atau kemudahan untuk adakan kelas dan penting sekali tenaga pengajar dan juga peruntukan yang boleh kedua-dua kementerian sediakan," katanya.

Beliau berkata buat masa ini, hanya tiga hospital dipilih melaksanakan projek berkenaan iaitu Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ampang dan Hospital Serdang.

Selain itu, Muhyiddin berkata kerajaan juga akan meneliti insentif yang boleh diberikan kepada guru-guru yang terlibat dalam projek ini kerana tanggungjawab yang akan dipikul oleh mereka berbeza daripada ketika mereka mengajar di sekolah biasa.

"Mereka perlu lebih kesabaran dan juga multi-skill kerana seorang guru akan mengajar pelbagai subjek dan darjah yang pelbagai dari darjah 1, darjah 3 kerana kita tidak boleh tempatkan satu darjah satu guru.

"Mereka juga agak istimewa dari sudut kemahiran dan cara hubungan dengan pelajar yang sakit. Kita akan lihat selepas hasil projek yang pertama dan kita akan teliti apa bentuk insentif yang boleh diberikan," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai penilaian semula sistem pendidikan negara, Muhyiddin berkata keputusan untuk berbuat demikian hanya akan diputuskan selepas meneliti laporan awal berhubung perkara terbabit hujung tahun ini.

Beliau berkata buat masa ini, hanya tiga hospital dipilih melaksanakan projek berkenaan iaitu Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ampang dan Hospital Serdang.

Selain itu, Muhyiddin berkata kerajaan juga akan meneliti insentif yang boleh diberikan kepada guru-guru yang terlibat dalam projek ini kerana tanggungjawab yang akan dipikul oleh mereka berbeza daripada ketika mereka mengajar di sekolah biasa.

"Mereka perlu lebih kesabaran dan juga multi-skill kerana seorang guru akan mengajar pelbagai subjek dan darjah yang pelbagai dari darjah 1, darjah 3 kerana kita tidak boleh tempatkan satu darjah satu guru.

"Mereka juga agak istimewa dari sudut kemahiran dan cara hubungan dengan pelajar yang sakit. Kita akan lihat selepas hasil projek yang pertama dan kita akan teliti apa bentuk insentif yang boleh diberikan," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai penilaian semula sistem pendidikan negara, Muhyiddin berkata keputusan untuk berbuat demikian hanya akan diputuskan selepas meneliti laporan awal berhubung perkara terbabit hujung tahun ini.

Kajian awal akan dilakukan di peringkat kementerian terlebih dahulu sebelum beliau meneliti hasilnya, kata Muhyiddin.

"Kalau memang ada asas yang kukuh untuk satu kajian yang menyeluruh dilakukan bagi mengeluarkan laporan tentang prestasi atau dasar pendidikan atau sistem pendidikan kita itu, kita akan kemukakan kepada pihak kerajaan," katanya.

Beliau berkata sejak Penyata Razak 1956 diperkenalkan, sistem pendidikan belum lagi dinilai semula.

"Saya fikir, sudah sampai masa. Sejak 1956, Penyata Razak dikeluarkan kita tidak lagi membuat apa-apa kajian secara keseluruhannya. Dulu ada review masa Tun (Dr) Mahathir (Mohamad) tapi saya fikir perlu ada satu pendekatan yang menyeluruh mengkaji semua aspek itu," katanya.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=603949>